

POKOK KETERANGAN TENTANG NUZUL AL-QURAN

Nuzul al-Quran ertinya turunnya al-Quran. Perkataan turun itu dipakai secara istilah (arah atau maknawiah), sebab al-Quran itu datangnya dari zat yang Maha Agung darjatnya kepada hamba-Nya Muhammad (SAW); perkataan “nuzul” rasmi digunakan di dalam beberapa ayat al-Quran seperti maksudnya – (kami turunkan kepada Muhammad al-Quran). – al-Dahri 23.

(oleh Haji Muḥammad Ṣāleh Sawādī)

Al-Quran itu diturunkan dengan menggunakan saluran wahyu. Wahyu itu ertinya “pemberian pengertian dengan cara yang halus yang tidak dirasa atau diketahui oleh manusia biasa”. Wahyu itu ada empat peringkat:

1. “Pemberian pengetahuan daripada Allah kepada makhluk yang tidak “bernyawa” seperti bumi, untuk mengikuti perkembangan dirinya sesuai dengan “sunat Allah” (undang-undang alam) sebagaimana firman Allah “*bi anna rabbaka awḥā lahā*” – bahawa Tuhan memberi wahtu kepada bumi untuk meletus dan sebagainya.
2. “Pemberian pengetahuan yang baises dinamakan sekarang oleh Allah kepada makhluk bernyawa tetapi tidak berakal seumpama lebah seperti firman Allah: (maksudnya) “Dan Allah wahyukan kepada lebah supaya menjadikan gunung-gunung itu rumahnya”.
3. “Pemberian pengetahuan” daripada Allah kepada makhluk yang bernyawa dan berakal, iaitu manusia, yang bukan Nabi seperti kepada ibu Nabi Musa, seperti firman Allah (maksudnya) “Dan aku wahyukan kepada ibu Musa supaya membuang anaknya (Nabi Musa) ke dalam sungai Nil.”


4. “Pemberian pengetahuan” daripada Allah kepada Nabi-nabi bagi membezakan di antara apa yang diberikan kepada selain Nabi-nabi dan kepada Nabi-nabi, disebut “*ilhām*” iaitu yang kepada makhluk tidak bernyawa, binatang, manusia biasa – sedang kepada Nabi-nabi disebut wahyu.

Adapun wahyu kepada Nabi-nabi itu ada pula beberapa peringkatnya:

1. Ada yang berupa tanda-tanda seperti *ṣilṣilah al-jarasun* (bunyi loceng).
2. Ada yang berupa mimpi di dalam tidur lalu nyata berwujud sesudah jaga.
3. Ada yang berupa perkataan atau kalimah-kalimah yang terang jelas seperti lafaz-lafaz al-Quran iaitu yang disebut “*al-wahyu al-matlū*” (wahyu yang dibacakan) dan inilah tingkatan wahyu yang sempurna-sempurnanya dan setinggi-tingginya yang terjadi di dalam penurunan al-Quran daripada malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad (SAW).

Adapun lama dan caranya al-Quran diturunkan ialah dimulai 17 Ramadhan ketika Nabi Muhammad (SAW) sedang bersunyi-sunyi di gua Hira’ dimulai dengan surah “*Iqra*”.

Kemudian berturut-turut turun al-Quran itu dengan beransur-ansur



Sebuah al-Quran yang tua terletak di dalam sekolah gambar Nawāb Bahāw Alfūr. Indah sungguh buatan rihal tempat meletakkan al-Quran itu.

dan berdikit-dikit; ada yang sekali gus beberapa ayat, ada yang sekali gus satu surah; dan ada urutan turunnya tidaklah menurut urutan seperti yang tersebut di dalam al-Quran sekarang; tiap-tiap turun beberapa ayat diterangkan pula kepada Nabi Muhammad tempat ayat itu dalam surah-surah al-Quran; tiap-tiap turun dibacakan oleh Nabi kepada sahabat-sahabat dan oleh sahabat-sahabat ditulis dan dihafaz dan nanti dibacakan dalam sembahyang. Demikianlah terus menerus berjalan sehingga lebih kurang 23 tahun dan sebagai penutupnya diturunkan ayat “*alyawm akmaltu lakum dīnakum*”. Dan seterusnya ketika Nabi melakukan *hujjah al-wida’* pada tahun 23 sebelum

hijrah atau dalam masa Nabi berusia 63 tahun.

Berkenaan dengan nama al-Quran pula bukannya diciptakan oleh Rasulullah (SAW) tetapi adalah ia tercantum dalam kitab suci itu sendiri di dalam beberapa banyak tempat di dalam al-Quran. Erti bahasanya “bacaan”. Di samping nama al-Quran itu masih ada lagi beberapa nama lain yang menggambarkan isi dan sifat serta tujuan al-Quran: seperti “*al-ḥakīm*” (yang bijaksana), “*al-muḥayminu*” (yang melindungi kitab-kitab suci yang terdahulu). “*muṣaddiqān*” (yang membenarkan kitab-kitab yang terdahulu), “*annāsikh*” (yang memansuhkan hukum-hukum di dalam kitab suci yang terdahulu), *shifā’* (ubat penyembuhkan

diri dan masyarakat yang menggunakannya) dan sebagainya.

Al-Quran itu adalah berisi segala pokok panduan bagi segala segi kehidupan zahir dan batin, baik bagi perseorangan, masyarakat, negara bangsa dan pergaulan bangsa-bangsa dan negara-negara sedunia, di antaranya:

1. Ayat yang menjelaskan semua rukun iman, pokok kepercayaan, seperti sifat-sifat Allah, kitab-kitab, riwayat nabi-nabi, keadaan di akhirat, nikmat syurga, kesengsaraan neraka dan sebagainya.
2. Ayat-ayat yang menjelaskan pokok ketentuan mengenai ibadat sembahyang, puasa, zakat, haji dan sebagainya.
3. Ayat yang menjelaskan budi pekerti yang utama, seperti hormat kepada kedua-dua orang tuanya, berbaik-baik dengan jirannya, sopan santun dalam masyarakat, tolong menolong dalam kebajikan, dermawan, hormat menghormati dan sebagainya.
4. Ayat-ayat yang menjelaskan pokok mata pencarian rezeki dan caranya seperti berjualbeli, sewa menyewa, hutang piutang, tegahan makan riba samada yang kecil atau pun besar; serta cara-cara pembahagian-pembahagian rezeki harta kekayaan supaya jangan bertimbun-timbun di tangan segolongan kecil manusia: seperti pembahagian harta pusaka, pembahagian rampasan perang, cara wakaf, hibah (pemberian), wasiat dan lain-lain sebagainya iaitu yang mengenai medan sosial dan ekonomi.
5. Ayat yang mengenai pokok-pokok cara pemerintahan dan negara, seperti kewajipan syura dan mesyuarat, tegahan paksaan memeluk agama, tegahan menghina dan memaki golongan agama lain, kedaulatan kepunyaan Allah yang diamanahkannya dan diwakilkan untuk melaksanakannya kepada khalifah, imam, atau pemerintah dan negara Islam, kewajipan memerintah dengan adil dan membuat kasih sayang kepada rakyat yang diperintahnya dan sebagainya.
6. Ayat-ayat yang menjelaskan pokok aturan tentang bila dibolehkan berperang iaitu sekadar mempertahankan diri

dan menolong serangan-serangan penyerang, adab sopan dan peri kemanusiaan yang harus dijaga dalam masa perang, syarat-syarat perdamaian, cara hidup damai dengan lain-lain negara dan lain-lain pemeluk agama perbuatan-perbuatan terhadap orang-orang tawanan.

7. Ayat-ayat yang menjelaskan pokok-pokok hukuman jenayah atas rupa-rupa kejahatan seperti pencuri, zina, pembunuhan, perompak dan pemberontakan.
8. Ayat-ayat yang menjelaskan cara-cara memeriksa dan menghakamkan perkara-perkara seperti tentang saksi-saksi bagi bermacam-macam perkara dan sebagainya.
9. Ayat-ayat yang menjelaskan rahsia-rahsia alam dan hukum-hukum alam yang terjadi pada kehidupan umat dan bangsa, sebab-sebab kemajuan dan kebahagiaan bangsa-bangsa, dan sebagainya yang umumnya mendahului pendapat-pendapat baharu di dalam medan ilmu alam dan bangsa-bangsa.

Kerana sifat-sifat yang utama itu maka al-Quran dapat terus sepanjang zaman dan bagi segala bangsa dan keadaannya menjadi pedoman hidup dan jika tidak demikian maka ia akan membeku dan pasti menjadi barang mati yang tidak bernyawa, tidak dapat pula memberi jiwa bagi kehidupan manusia.

Tentang mengumpulkannya pula maka adalah ia telah dikumpulkan pada zaman Nabi masih hidup lagi; begitu diturunkan maka begitu pula dicatit dan ditulis oleh sahabat-sahabat terutamanya oleh setiausaha-setiausaha Nabi yang 17 orang banyaknya, ditulis di atas kain, kulit-kulit, batu-batu dan pelepah-pelepah kurma. Di samping dicatit dan dikumpulkan tulisannya, ia dihafaz oleh beribu-ribu sahabat Nabi sehingga dalam zaman Nabi sendiri ia telah tersusun dan terkumpul walaupun belum dikitabkan di dalam sebuah kitab yang berjilid.

Dalam zaman khalifah Sayyidina 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb Quran disusun dan dikumpulkan berupa kitab oleh suatu

(sambungan pada muka 29)

(sambungan dari muka 13)

jawatankuasa kerajaan di bawah pemimpin Zayid bin Thābit kitab mana disimpan oleh Siti afīsh sebagai amanah umat dan negara. Pada zaman khalifah ‘Uthmān Ibnu ‘Affān dibanyakkann salinannya dan dihebahkan ke seluruh dunia Islam dengan bentuk tulisan tangannya.

Setelah didapati mesin cetak maka al-Quran dicetak orang bagi kali yang pertamanya di Hamburg, Germany.

Perintah Berpandukan al-Quran

Kerana isi dan sifat al-Quran sebegitu rupa mencakupi dan memnuhi segala hajat keperluan manusia pada segala zaman dan tempat serta keadaan dan kerana gunanya al-Quran itu kalau digunakan maka tegas-tegas Allah mewajibkan kepada manusia, terutamanya umat Islam bagi melakukan peritahan mematuhi anjurannya, menjauhi larangan-larangan-Nya, memerhatikan peringatan-Nya, melaksanakan hukuman, sebagai firman Allah (maksudnya): “ dan hendaklah Engkau menghukum dengan hukum yang Allag turunkan (al-Quran) dan janganlah kamu mengikut nafsu keinginan mereka itu dan berjaga-jagalah kepada fitnah dan godaan mereka yang hendak memalingkan kamu daripada melaksanakan sebahagian daripada isi Quran yang Allah turunkan”.

Firman-Nya lagi (maksudnya): “dan barang siapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka kafir, fasik dan zalim. (dalam himpunan tiga ayat berturut-turut).

Firman lagi (maksudnya): “demi sesungguhnya tidak mereka berimana kecuali bila mahu tahkimkan kepada Engkau (dengan al-Quran) tentang segala perselisihan antara mereka, lalu mereka tidak merasa sedikit pun keberatan dalam jiwa mereka atas hukum keputusan-Nya dan mereka menyeru kepada hukum itu dengan sepenuh-sepenuhnya.”

Firman-Nya pula (maksudnya) “adakah hukum Jahiliyyah itu buatan manusia yang mereka kehendaki padahal siapa

lagi yang lebih hukumnya daripada Allah bagi kaum yang sesungguhnya percaya”.

Sekianlah mudah mudahan kita sama-sama mendapat manfaat daripadanya- Amin.

Penggal 1 dan 2 sudah siap- sepenggal \$1.20

‘Umar Ibnu al-Khaṭṭāb ‘Abdullāh Basmeh

Silalh pesan kepada:

Qalam Press Ltd.,

P. O. Box 3031, Singapore.

Sakit Mata!!



Atau sakit buasir

berpengalaman selama 50 tahun

berjumpalah dengan

tabib di bawah ini.



diubati di dalam satu

minggu sahaja baik.

TABIB H. G. MUSTAFFA

PUNJAB MEDICAL HALL.

No. 280, Victoria Street,

Singapore City, 7.